



كمنتريين كبودايان بليادان سوكن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# ورثا بليا

# WARTA BELIA

*YOUTH NEWS*

SUKARELAWAN BELIA

| 2hb Julai 2020M | 10 Zulkaedah 1441H | EDISI 2 |



## PENUBUHAN BAHAGIAN KEMASYARAKATAN SUKARELAWAN BELIA

Selepas hampir sebulan bergeraknya Sukarelawan Belia, atas semangat bakti belia-belia sukarelawan, tertubuhlah bahagian Kemasyarakatan Sukarelawan Belia pada 9 April 2020. Bahagian ini telah ditubuhkan atas dasar prihatin terhadap keperluan masyarakat Brunei yang terkesan akibat penularan COVID-19.



Antara projek-projek yang berjaya dilaksanakan adalah (1) kempen derma darah pada 13 April 2020 dan 14 April 2020 yang mengumpulkan sejumlah 72 penderma, (2) pembersihan dan pensanitasi lebih sepuluh pasar di empat daerah bermula dari 16 April 2020 hingga 22 April 2020, (3) projek 'Donation Drive' yang beroperasi di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah sejak 16 April 2020 hingga 30 Mei 2020 iaitu sebuah projek penerimaan bantuan dari orang ramai yang berupa makanan asasi, makanan kering, bahan pembersihan dan lain-lain barangan keperluan yang berjaya mengagihkan bantuan kepada 2,239 buah rumah, dan yang terbaru (4) kempen derma darah di Dewan Kemasyarakatan Tutong pada 17 Jun 2020 dan 18 Jun 2020 yang berjaya mengumpulkan 100 penderma.

Alhamdulillah, atas penubuhan bahagian kemasyarakatan ini, hampir 200 sukarelawan telah terlibat menjayakan projek-projek kemasyarakatan tanda ketulusan dan keikhlasan para sukarelawan yang terus gigih berbakti buat warga Darussalam.

## SUMBANGAN SERAGAM KUNING PEMBAKAR SEMANGAT BELIA

Bagi mengangkat para sukarelawan, langkah mereka lebih bersemangat dengan adanya seragam kuning. Seragam itu sebagai simbol anak peribumi sedia berbakti berganding bahu bersama barisan hadapan melawan COVID-19. Sebelum dihantar bertugas ke lokasi-lokasi, setiap belia dipastikan memakai vest / jaket kuning yang direkabentuk khas. Melangkahnya mereka dari pusat operasi adalah di bawah satu nama besar, iaitu 'Sukarelawan Belia'. Bangganya mereka membawa Bendera Brunei di bahagian dada sebelah kanan dan panji-panji negara di bahagian dada sebelah kiri selaku Sukarelawan Belia di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Keberadaan belia-belia ini berseragam kuning adalah atas bakti sumbangan beberapa buah syarikat tempatan tanahair dan individu-individu yang berhati murni. 50 helai sumbangan Imagine, 50 helai sumbangan WISA, 50 helai sumbangan Marleina Enterprise, 50 helai sumbangan Citra Idaman Bridal Boutique & Little Ummy, 50 helai sumbangan The Ocular, 50 helai sumbangan The Maulana Family Team, 100 helai sumbangan FS Create, 34 sumbangan Tabung Derma Khairat Pekerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan 105 helai lagi sumbangan dari hamba-hamba Allah. Secara keseluruhannya, merangkumi sejumlah 539 helai sumbangan vest. Setiap sumbangan itu memberi nilai bererti dalam memerangi lebaran peristiwa wabak ini.

## PUSAT OPERASI BERPINDAH LOKASI

Sejak penubuhan Sukarelawan Belia, Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kampong Pulaie, telah merakamkan sumbangan bakti penat lelah para sukarelawan yang beroperasi 24 jam sehari. Di pusat operasi itu, telah terbentuk jalinan kasih persahabatan antara sesama sukarelawan. Mereka telah bersatu berganding bahu menghadapi cabaran. Mereka juga telah berkongsi keceriaan di setiap berita gembira. Kelelahan mereka terubat setiap kali melihat para rakan sepejuang yang terus bersemangat berbakti. Oleh itu, setentunya pemindahan lokasi operasi Sukarelawan Belia meninggalkan kesan yang amat mendalam terutamanya bagi mereka yang sudahpun bermula sejak hari pertama lagi.



Setelah lebih dua bulan berpusat di Pusat Bahagia, Pusat Operasi Sukarelawan Belia berpindah ke Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di hari ke 83 operasi iaitu pada hari Isnin 8 Jun 2020. Pemindahan adalah disebabkan Pusat Bahagia yang kembali dibuka selepas penutupannya berkenaan dengan wabak COVID-19. Proses pemindahan telahpun bermula pada hari Sabtu, 6 Jun dan Ahad, 7 Jun 2020. Sementara itu, kerja-kerja pembersihan Pusat Bahagia dilaksanakan pada pagi 8 Jun 2020. Proses pemindahan dan pembersihan melibatkan seramai 30 sukarelawan. Walau pusat operasi kini telah berpindah lokasi, kenangan di Pusat Bahagia setentunya masih segar di ingatan mereka. Terima kasih Pusat Bahagia selaku lokasi pertama yang banyak merakamkan detik peristiwa berharga sepanjang operasi Sukarelawan Belia.

## PENGLIBATAN DI HARI PERTAMA PEMBUKAAN MASJID, SURAU & BALAI IBADAT

Kerinduan umat Islam Brunei Darussalam berjemaah di rumah Allah kini terubat dengan pembukaan masjid, surau dan balai ibadat pada 29 Mei 2020 bagi solat Fardhu Jumaat sejak pengumuman penutupannya pada 17 Mac 2020 lalu. Perasaan berbaur teruja dan terharu dapat dirasakan di kalangan jemaah. Walau terpaksa melalui pemantauan dan prosedur yang sangat ketat, para jemaah bersepadu dalam sama-sama mendukung usaha Kerajaan membendung penularan Wabak COVID-19 di negara ini.



Atas semangat dukungan itu, setentunya Sukarelawan Belia turut turun ke lokasi bagi melancarkan proses kedatangan para jemaah. Sejumlah 80 orang sukarelawan belia terlibat merangkumi 45 orang di hantar ke masjid-masjid, surau dan balai ibadat sekitar daerah Brunei Muara, 8 orang bagi daerah Tutong, 19 orang bagi daerah Belait dan 8 orang bagi daerah Temburong. Antara tugas mereka adalah memastikan para jemaah mematuhi prosedur dan penjarakan fizikal, memeriksa suhu badan setiap jemaah yang masuk, memastikan jemaah membawa tikar sembahyang, pemakaian pensanitasi tangan serta sungkup muka dan membantu mereka menggunakan aplikasi pengimbas Bruhealth iaitu sebelum masuk dan ketika keluar dari lokasi. Dalam kesayuan para jemaah, tercorak kebersatuan dan perpaduan yang indah.

## SUASANA RAMADHAN DAN HARI RAYA SUKARELAWAN BELIA

Kesibukan Sukarelawan Belia di bulan Ramadhan membuatkan pelaksanaan ibadah puasa seakan tidak terasa. Masa sebulan seolah berlalu dengan cepatnya. Sukarelawan yang bertugas di Pusat Operasi melaksanakan ibadah bersahur, berpuasa dan bersungkaik di Pusat Bahagia. Manakala sukarelawan yang bertugas di pusat-pusat pengasingan melaksanakan ibadah bersahur, berpuasa dan bersungkaik di lokasi tugas masing-masing. Begitulah suasana Ramadhan sukarelawan belia yang sentiasa beroperasi 24 jam sehari. Walau menjalankan ibadah puasa, semangat mereka seakan tidak kenal erti lelah siang dan malam. Setiap hari kira-kira 100 hingga 200 orang sukarelawan dihantar bertugas sepanjang Ramadhan.



Satu Syawal jatuh pada 24 Mei 2020. Para sukarelawan yang bertugas di Pusat Operasi melaungkan bersama Takbir Raya pada malam Aidilfitri. Kedengaran suara kesayuan mereka merasakan raya tahun ini agak berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Selesai takbir raya, para sukarelawan diberikan cuti dua hari kembali ke pangkuan keluarga setelah lebih dua bulan beroperasinya Sukarelawan Belia. Cuti singkat itu amat berharga dirasakan terutamanya bagi mereka yang bertugas 24 jam sehari. Sukarelawan Belia seterusnya kembali bertugas pada 26 Mei 2020. Walau tidak berpeluang menyambut raya seperti tahun-tahun sebelumnya, semangat mereka tetap terus bergelora di Aidilfitri.

## KEMASYARAKATAN TERUS BERSEMARAK DI BULAN RAMADHAN DAN AIDILFITRI

Keberkahan kedatangan bulan Ramadhan, telah menyemarakkan pelaksanaan projek-projek amal bahagian Kemasyarakatan Sukarelawan Belia. Antaranya adalah peninjauan ke rumah-rumah insan yang memerlukan bantuan iaitu dilaksanakan pada hari pertama Ramadhan hingga ke hari 17 Ramadhan melalui Ketua-Ketua Kampong empat daerah, merangkumi hingga 1,253 buah rumah. Projek ini melibatkan kerjasama Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), sukarelawan Penerbangan Diraja Brunei (RB), Safety, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Persatuan Pelajar Brunei Cardiff (BRUSCA), Sukarelawan Tutong (SUKA) dan Minda Youth Movement (MYM).



Disamping itu, para sukarelawan turut terlibat menghulurkan bantuan tenaga bersama Persatuan Meraih Berkah Ramadhan dalam melaksanakan pengagihan bubur, iaitu kira-kira hampir 1,000 bubur diagihkan setiap hari sepanjang bulan Ramadhan.

Bakti amal bahagian kemasyarakatan terus bersemarak di bulan Aidilfitri dengan pelaksanaan Projek Kasih Lebaran. Projek ini melibatkan tenaga para sukarelawan membersihkan kawasan rumah warga emas yang berkeperluan di empat-empat daerah. Rakan kerjasama projek ini adalah Alumni PKBN, PPNBD, MYM, Kesatuan Pelajar Brunei (BSU), Persatuan Mahasiswa/i Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) dan Program Penemuan Global UBD (GDP). Turut terlibat adalah sokongan dari Pejabat-Pejabat Daerah dan Jabatan Bandaran. Tidak dilupakan setinggi penghargaan kepada penaja makanan, Express.Bn dan De Ceria.

## SUMBANGAN TANDA KEPRIHATINAN TERHADAP SUKARELAWAN

Semangat kebruneian terus hidup dengan adanya sumbangan yang tidak putus-putus sejak awal lagi penubuhan Sukarelawan Belia. Antaranya adalah sumbangan talian telefon, telefon bimbit, radio dua hala, sungkup muka, buku nota kecil Sukarelawan Belia, baju t-shirt sukarelawan, lanyard, token dobi, barangan-barangan elektrik, serta banyak lagi barangan-barangan sumbangan yang tidak tersenaraikan, yang memudahkan dan melancarkan keperluan serta pengurusan kerja-kerja para sukarelawan. Sumbangan tersebut sedikit-sebanyak meringankan beban para sukarelawan yang asalnya banyak menggunakan barangan dan kewangan peribadi untuk kerja-kerja sukarelawan. Disamping itu, terdapat juga sumbangan dari segi makanan dan minuman yang masih berterusan hingga ke hari ini buat para sukarelawan.




Setinggi-tinggi penghargaan Terima Kasih kepada Progresif, DSTINCOMM, Imagine, Needmasks, YMRM, Laundry Bar, Printz Mart, SCOT, Brunei Scout, Belia Masjid Ash-shaliheen, Pegawai Wanita ABDB, Jollibee, The Foodzone Yayasan, SDK, Ghanim International Corporation, Mulaut Abbatoir, Mc Donald, Ana Kitchen, The Garden's Veranda, Frangipani Bistro, Amingunawan, Zara's Cafe, Tasconi, Projek Burger Telur, Khal's Coffee, Matcha Monaco, Berjaya Bersatu & Y.bake.bn, Izzat@jetchickenpie, Haz Fitness, Gentlement Stitch, Our Tea Cafe serta banyak lagi syarikat-syarikat tanahair dan individu-individu persendirian.

Atas keprihatinan ini, bukan sahaja melancarkan kerja-kerja sukarelawan, tetapi turut menjaga kebajikan dan keperluan mereka seharian. Sumbangan yang berterusan ini setentunya menjadi dukungan semangat untuk para sukarelawan terus berbakti.

## SEMANGAT KEBRUNEIAN RAKYAT DARUSSALAM

Semangat kebruneian di kalangan rakyat bukan sahaja dapat dilihat melalui sumbangan terhadap Sukarelawan Belia khususnya tetapi kita dapat saksikan kebersatuan dan perpaduan para rakyat dalam sama-sama menyumbangkan dana kepada Kerajaan bagi menangani wabak COVID-19. Alhamdulillah setakat 13 Jun 2020, sejumlah BND 14,355,701.72 telah berjaya dikumpulkan dari Dana Bantuan COVID-19 (COVID-19 Relief Fund). Syabas Brunei! Marilah kita terus menyemarakkan semangat kebruneian!





## **KITA BERJUANG BERSAMA**

Talian Operasi Bahagian Pusat Pengasingan (OPS 5) <b>+673 816 3054</b>		Talian Operasi Bahagian Pusat Pengasingan (OPS 4) <b>+673 816 3081</b>	
Talian Operasi Bahagian Kemasyarakatan (OPS 3) <b>+673 816 3325</b>	Talian Operasi Derma Pandu Lalu (OPS 2) <b>+673 816 3461</b>	Talian Operasi Alumni PKBN <b>+673 816 3324</b>	
Talian Bahagian Kewangan <b>+673 736 3027</b>		Talian Sekretariat (Daerah Belait) <b>+673 714 8781</b>	

**TALIAN UTAMA OPS**  
**+673 891 3762**



+673 891 3762



@sukarelawanbelia.bn